

13 DEC 1999

Syed Razak-Exco

EXCO KEDAH DINILAI PRESTASI SETIAP TAHUN

ALOR SETAR, 13 Dis (Bernama) -- Menteri Besar Kedah Datuk Syed Razak Syed Zain Barakbah berkata semua anggota Exco yang baru dilantik akan dinilai prestasi mereka setiap tahun.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis angkat sumpah jawatan 10 anggota Exco di Istana Anak Bukit di sini hari ini, beliau berkata mereka (Exco) akan dinilai olehnya dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya pula akan dinilai oleh Perdana Menteri. Kita boleh gugurkan sesiapa sahaja jika mendapati orang itu lemah dan prestasinya tidak memuaskan," katanya.

Beliau berkata kesemua Exco juga dikehendaki mengisytiharkan harta masing-masing untuk memastikan mereka tidak terbabat dalam apa-apa jua bidang lain seperti perniagaan.

Syed Razak berkata barisan Exco kali ini merupakan yang terbaik dan mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing setelah penelitian terperinci dilakukan olehnya dan Dr Mahathir.

Beliau berkata prestasi Exco amat wajar dinilai kerana kelemahan yang dipaparkan oleh mereka yang dilantik itu bakal mencerminkan kelemahan kepimpinannya.

"Saya yakin mereka akan bekerja kuat dan menjalankan tugas dengan penuh dedikasi. Kita tidak melantik Exco untuk digugurkan dari jawatan itu," katanya.

Ditanya apakah keutamaan yang diberikan apabila melantik seorang anggota Exco wanita, Syed Razak berkata tiada Exco lelaki atau wanita sebaliknya semua mereka adalah Exco yang baru dilantik.

"Kebetulan Rosnah (Majid) adalah seorang wanita. Saya melantiknya berdasarkan kebolehan yang dia miliki," katanya.

Kedah mencipta sejarah apabila buat pertama kalinya melantik seorang wanita, Rosnah Majid yang memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Tanjong Dawai ke jawatan itu.

Sembilan yang lain ialah Datuk Zainol Mohamed Isa (Kupang), Datuk Beh Heng Seong (Gurun), Datuk V. Saravanan (Bukit Selambau), Datuk Fong Chok Gin (Sidam), Mohamed Hasan Bulat (Padang Matsirat), Fadzil Hanafi (Tanjong Seri), Datuk Othman Ishak (Jitra), Ahmad Bashah Mohd Hanipah (Alor Merah) dan Osman Mohamed Aji (Bandar Baharu).

Mereka dilantik ke jawatan itu selama setahun berkuatkuasa hari ini.

Beliau berkata portfolio masing-masing akan diumumkan Rabu ini.

Dewan Undangan Negeri Kedah akan bersidang 28 Dis ini bagi pembentangan Belanjawan 2000, katanya.

Syed Razak berkata pelantikan Speaker dan Timbalan Speaker akan diumumkan pada persidangan itu.

-- BERNAMA

MAN AKD